

03 APR 1999

RAKYAT KELANTAN MASIH PERLUKAN BANYAK PEMBELAAN

JELI, 3 April (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed berkata rakyat Kelantan, yang masih memerlukan pembelaan, tidak akan dianaktirikan oleh kerajaan pusat.

Katanya Kelantan yang dipimpin oleh Pas sejak 1990 akan terus mendapat bantuan, sebagaimana yang diperuntukkan dalam perlembagaan.

"Ramai rakyat Kelantan berada di bawah paras kemiskinan," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan berkata demikian bagi mengulas kenyataan Menteri Besar Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat semalam, yang berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana meluluskan bantuan pinjaman mudah RM600 juta kepada Kelantan, bagi mengatasi masalah bekalan air yang berlanjutan sejak 1995.

"Kerajaan pusat dan Perdana Menteri memang prihatin kepada rakyat Kelantan yang memerlukan pembelaan," kata Mustapa.

"Kalau kita diberi mandat, rakyat Kelantan akan dapat lebih lagi pembelaan," katanya.

--BERNAMA

BD RI